



**PERSATUAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH SARAWAK (PPSMS)
(DAERAH BARAM)**

PENTAKSIRAN PERCUBAAN SPM 2024 SETARA BARAM

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

SKEMA PEMARKAHAN

MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **6** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **6** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bantu telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

1. Dapat
 - Menunjukkan kemampuan atau kemungkinan melakukan sesuatu.

Cadangan jawapan - Cadangan membesarkan ruang solat di taman itu **dapat** dilaksanakan setelah mendapat sumbangan daripada wakil rakyat.
2. Boleh
 - Menunjukkan izin atau kemungkinan.

Cadangan jawapan - Majlis makan malam syarikat itu **boleh** diadakan pada hujung tahun ini setelah mendapat persetujuan daripada penolong pengarah kanan.
3. Akan
 - Digunakan untuk menunjukkan masa hadapan atau kehendak.

Cadangan jawapan - Anak Puan Mariam **akan** melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di luar negara pada tahun hadapan.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Ayat Majmuk

- i. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu **yang** menekankan nilai murni telah lama diperkenalkan.
- ii. Matlamat mata pelajaran Kesusasteraan Melayu diwujudkan adalah untuk membolehkan murid **dan** masyarakat Malaysia menjiwai unsur dan nilai-nilai murni.
- iii. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mampu menanam rasa cinta **dan** bangga akan tanah air.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN	MARKAH
merasa	<i>berasa</i>	1m
meleluasa	<i>berleluasa</i>	1m
banyak kemudahan-kemudahan awam	<i>banyak kemudahan awam / kemudahan-kemudahan awam</i>	1m
kerajaan sediakan	<i>disediakan oleh kerajaan</i>	1m
sebab	<i>kerana</i>	1m
kerja-kerja pembaikpulihan	<i>kerja-kerja membaik pulih</i>	1m

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN	MARKAH
menerangkan tentang	<i>menerangkan</i>	1m
menasihatkan	<i>menasihati</i>	1m
bila	<i>apabila</i>	1m
pada	<i>kepada</i>	1m
menerima	<i>terima</i>	1m

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard**Panduan penskoran**

Markah	Kriteria
Cemerlang (5-6)	1.Struktur ayat mengikut petikan. 2.Mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Mengekalkan laras bahasa istana jika berkenaan . 4.Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
Baik (3-4)	1.Struktur ayat masih mengikut petikan. 2.Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Masih mengekalkan laras bahasa istana . 4.Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis
Lemah (1- 2)	1.Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan. 2.Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan. 3.Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan. 4.Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan 5.Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

Cadangan jawapan :

Sebenarnya/sesungguhnya Seri Bija Diraja itu **asalnya/keturunannya** Melayu, Tun Hamzah namanya **berasal** daripada Muntah Lembu; **dia** dipanggil/**digelar** (oleh) orang **sebagai** Datuk Bongkok. Apabila dia berjalan atau duduk,bongkoklah **dia**. Oleh sebab/Sebab dia sangat gagah dan berani **dia** menjadi hulubalang besar, **kedudukannya** di atas **semua** hulubalang.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

menangguk di air keruh	menahan lukah di pergentingan
bagai mencurahkan air ke daun keladi	-masuk telinga kanan, keluar telinga kiri -seperti hujan jatuh ke pasir
ibarat rambut sama hitam hati lain-lain	-lain dulang lain kakinya, lain orang lain hatinya -banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7 : 13 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

i. Maksud *semakin menurun*

- kian/makin berkurang/susut

[Maksimum : 2 markah]

ii. Persamaan faktor ancaman bangau kerbau dan gajah:

- Pemburu haram/perdagangan hidupan liar secara haram

Perbezaan faktor ancaman bangau kerbau:

- Mangsa kepada burung gagak dan ular senduk serta biawak air

Perbezaan faktor ancaman gajah:

- Pembangunan infrastruktur

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iii. Kepentingan usaha perlindungan spesies fauna:

- mengelakkan kepupusan
- menjadi tarikan pelancong
- menjadi sumber kajian/ilmu/penyelidikan
- menstabilkan ekosistem
- membekalkan sumber makanan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv. Langkah-langkah menyelamatkan spesies haiwan terancam:

- rakyat perlulah memboikot penjualan haiwan terancam supaya permintaan terhadapnya berkurangan
- pihak berkuasa haruslah menguatkuasakan undang-undang haiwan terancam agar menyemai perasaan takut kepada pemburu haram
- media massa hendaklah mengadakan kempen menyelamatkan haiwan terancam supaya menyedarkan masyarakat tentang keburukannya jika pupus
- kerajaan wajarlahewartakan hutan simpan dengan lebih banyak agar pemburu haram tidak boleh melakukan aktiviti pemburuan sesuka hati

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

i. Maksud *pecahlah berita*

- tersebar khabar

[Maksimum : 2 markah]

ii. Tanggungjawab rakyat sebelum kemerdekaan:

- mendesak Inggeris supaya berundur
- mengikis tabiat buruk
- berjuang untuk mengubah sikap dan pandangan sempit

Tanggungjawab rakyat selepas kemerdekaan:

- meneguhkan perpaduan
- mendaulatkan negara buat selama-lamanya

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iii. Rakyat Malaysia tidak mempunyai semangat patriotik:

- pembangunan negara akan terbantut kerana rakyat Malaysia tidak bersatu padu untuk memajukan negara
- kedaulatan negara akan terjejas kerana rakyat yang tidak patriotik akan membiarkan campur tangan kuasa asing dalam hal ehwal negara
- semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia semakin luntur sehingga merenggangkan hubungan antara kaum

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

iv. Menyedarkan rakan karib anda bahawa dia sebenarnya amat bertuah kerana dilahirkan sebagai rakyat Malaysia:

- memberitahunya tentang segala kelebihan negara Malaysia dari segi politik, ekonomi, dan sosial untuk mengubah pandangan negatifnya terhadap negara sendiri
- mengajaknya untuk menonton dokumentari tentang perjuangan menuntut kemerdekaan agar dapat menimbulkan keinsafan dalam dirinya
- mengajaknya untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang bertemakan semangat patriotik seperti pertandingan mendeklamasikan sajak kemerdekaan dan perarakan Hari Kemerdekaan agar dapat menyemarakkan semangat patriotiknya
- menasihatnya pada setiap masa agar dia akan mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa bersejarah yang dipelajarinya dalam mata pelajaran Sejarah

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8 – Novel

i. Gelagat kanak-kanak yang diperhatikan oleh Dahlia :

- arus sungai yang deras sebagai pesta
- berlumba meredah arus untuk mencari pemenang
- sesetengahnya berloncatan atau berendam selama berjam-jam
- melompat dari jambatan – mereka bebas dan bahagia

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]



Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

ii. Dua kritikan bagi watak-watak sampingan

- a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul (kritikan bagi watak-watak sampingan)
- d) Beri 1 markah bagi setiap ulasan/ huraian yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi / dan ulasan / huraian)
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
Baik - 2 markah
Lemah - 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

Cadangan jawapan :

a)	Leftenan Adnan Wira Bangsa Pak Saidi • bapa Adnan • seorang yang berpandangan jauh • Pak Saidi menghantar Adnan bersekolah di sekolah Inggeris • seorang yang berani • beliau tidak gentar menentang tentera Jepun Samad • seorang yang tidak mempunyai semangat patriotik • sanggup menjadi pengintip bagi tentera Jepun • Samad menjadi penunjuk jalan tentera Jepun ke Bukit Candu • kegiatannya dapat dikesan oleh Leftenan Adnan • ditangkap dan ditembak mati oleh seorang askar Jepun
----	--

b)	Di Sebalik Dinara Karl • seorang saintis yang hebat dalam mencipta pelbagai teknologi • bersikap mementingkan diri dan bermusuhan dengan Marilyn (Medina) kerana bersaing dalam dunia sains Rosman • rakan kongsi Farisha • seorang yang bersikap materialistik dan mementingkan wang, namun amat mengambil berat tentang Farisha
c)	Jendela Menghadap Jalan Cik Jah • Cik Jah hidup menderita akibat sering menjadi mangsa dera suaminya, Seman • Seman seorang yang panas baran, kaki judi, dan pemabuk. Cik Jah menjadi mangsa keganasan rumah tangga Rafiq dan Haziq • Rafiq dan Haziq terlibat dalam penagihan dadah • mereka sering mencuri barang-barang termasuk barang kemas ibu mereka untuk membeli dadah • pernah dimasukkan ke pusat tahanan juvana atas kesalahan yang dilakukan
d)	Pantai Kasih Doktor Sadiz • seorang suami yang tidak bertanggungjawab • dia mendesak isterinya, Doktor Raiha menggugurkan kandungan setelah mengetahui bahawa anak tersebut cacat Doktor Uwang • Doktor Uwang suka berfoya-foya walaupun sudah berumah tangga • sering mengunjungi kelab-kelab malam • minum minuman keras serta bergembira bersama-sama pelayan kelab malam

e)	Tirani Zahid bin Yasser Arief • seorang peguam, bekas suami kepada Waheeda, dan ayah kepada Izzati • bertindak terburu-buru tanpa usul periksa dengan menuduh Waheeda curang • kesal akan tindakannya yang menceraikan Waheeda dan menuduh status anaknya, Izzati Fadhil • seorang yang berpegang teguh kepada adat • dia membatalkan majlis apabila Waheeda tidak hadir dalam majlis tersebut
f)	Silir Daksina Umi • keluarga pertamanya musnah apabila bercerai dengan ayah Haiqal • kemudian, umi berkahwin dengan walid, iaitu seorang usahawan yang berjaya, namun begitu beliau mempunyai sifat ego Abang Tauke Lim • seorang yang suka berjudi menyebabkan semua harta ayah Tauke Lim dijual • Tauke Lim hidup dalam kesusahan • dialah punca berlakunya perpecahan sesama ahli keluarga
g)	Songket Berbenang Emas Abu Bakar • suka membuang masa dengan rakan-rakan • dia sanggup mencuri kambing milik ayahnya sendiri Nek Kiah • insaf akan kesalahannya yang dilakukan terhadap keluarga Dahlia • Dahlia dan emaknya banyak membantu Nek Kiah semasa dia sakit berbanding dengan anak-anaknya yang tidak menziarahinya

h)	Bimasakti Menari Dato' Johann Arlington • seorang yang berprasangka buruk • beranggapan bahawa Tan Sri Muhaimin ialah musuhnya dalam melaksanakan projek pembangunan di Kuala Selangor • seorang yang bersikap jahat dan pendendam Maryam • isteri kepada Tan Sri Muhaimin • suka mengembara dan inginkan kebebasan • sikapnya yang inginkan kebebasan dan tidak bertolak ansur dengan suaminya menyebabkan rumah tangga mereka musnah
----	--

[Maksium : 6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
(30 Markah)

Soalan 9

PERATURAN PEMARKAHAN : BAHAGIAN C

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota: (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- λ nama khas
- λ perkataan berganda
- λ penggunaan kata sendi di dan ke
- λ tarikh
- λ angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- λ gelaran
- λ penanda wacana
- λ peribahasa

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Panduan											
Bahagian	Bilangan isi	Bilangan isi diterima									Markah isi maksimum
Pendahuluan		Fokus 1 dan fokus 2									2
Bahan 1											16
Fokus 1	4	3	3	3	3	2	2	2	1	1	
Fokus 2	4	4	3	2	1	4	3	2	4	3	
Bahan 2											
Fokus 1	4	1	2	3	4	2	3	4	3	4	
Jumlah isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
Penutup		Tema + cadangan + harapan									2
Jumlah markah											30

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

Bahasa

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang	8-10 markah	- Kesenambungan ayat sangat baik. - Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, - ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan sangat menarik dan berkesan.
Baik	5-7 markah	- Kesenambungan ayat baik. - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, - ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat. - Pengolahan masih menarik dan berkesan
Sederhana	3-4 markah	- Kesenambungan ayat kurang baik. - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat. - Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan.
Lemah	1-2 markah	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

NOTA:

- Jika menjawab dalam bentuk point / fakta markah bahasa ialah di peringkat lemah.
- Jika markah isi 7 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- Jika markah isi 6 markah ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Markah Bahasa :10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

P1	Rumusan membincangkan kelebihan / kebaikan / manfaat dan punca / faktor / sebab pelajar bekerja sambilan.	2 markah
P2	Rumusan membincangkan kelebihan / kebaikan / manfaat pelajar bekerja sambilan	1 markah
P3	Rumusan membincangkan punca / faktor pelajar bekerja sambilan	1 markah

Isi [16 markah]**Bahan 1****Fokus 1 : Kelebihan / manfaat / kebaikan bekerja sambilan**

1. Dipercayai mampu membentuk personaliti yang menarik.
2. Lebih matang dalam menguruskan diri.
3. Lebih bijak membahagikan masa.
4. Dapat membakar semangat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Fokus 2 : Faktor / punca / sebab pelajar bekerja sambilan

1. Menambahkan pendapatan / membantu meringankan beban kehidupan keluarga
2. Terdorong untuk hidup mewah
3. Desakan hidup
4. Mengikut gaya hidup semasa

Bahan 2**Fokus 1 : Kelebihan / manfaat / kebaikan bekerja sambilan**

1. Tidak perlu bergantung kepada orang lain.
2. Hidup berdikari.
3. Tidak perlu menanggung beban hutang.

Penutup

K1	Kesimpulannya, isu bekerja sambilan dalam kalangan pelajar perlu diambil berat supaya mereka dapat membahagikan masa untuk pelajaran.	2 markah
K2	Kesimpulannya, bekerja sambilan dalam kalangan murid hendaklah diambil berat.	1 markah

(Kesimpulan yang lain boleh diterima jika sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT